

06 JUN 1997

HARRODS BUKA KEDAI BEBAS CUKAI DI KLIA

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 6 Jun (Bernama) -- Harrods, pasar raya untuk golongan berada, akan membuka sebuah cawangan kedai bebas cukai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), kata pengerusinya, Mohamed al-Fayed di sini hari ini.

Mohamed al-Fayed, yang menghadiri majlis taklimat yang diadakan untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di Frazer-Nash Research Ltd, sebuah syarikat penyelidikan kejuruteraan dan elektronik di Farnborough kira-kira 32 batu dari sini berkata syarikatnya juga akan membuka sebuah kedai lagi di Kuala Lumpur selepas pembukaan cawangan kedai bebas cukai tersebut yang berukuran 7,000 kaki persegi di KLIA.

Cawangan kedai bebas cukai Harrods pertama di Asia dibuka di lapangan terbang antarabangsa Singapura.

Mohamed al-Fayed menjelaskan bahawa Harrods juga akan membantu memperkenalkan barangan buatan Malaysia pada masa depan sekiranya ia memiliki mutu yang sesuai.

Pembukaan kedai bebas cukai Harrods di KLIA adalah atas jemputan jawatankuasa lapangan terbang tersebut, kata beliau.

Sebelum meninggalkan pusat penyelidikan tersebut, Mohamed al-Fayed memberitahu beliau telah memesan penghantaran pertama jam azan, sejenis jam elektronik yang mengeluarkan suara bagi memperingati masuknya waktu solat, untuk dijual di pasar rayanya.

Jam rekaan pusat penyelidikan F-N itu juga boleh memaklumkan waktu solat kepada kaum Muslimin di mana saja di dunia ini.

Selain daripada jam tersebut, pusat penyelidikan itu juga mencipta kalender astronomi kawalan komputer yang mampu mengesan pusingan bulan secara tepat untuk tempoh 50,000 tahun akan datang yang boleh membantu kaum Muslimin dalam menetapkan tarikh-tarikh penting dalam kalender mereka seperti permulaan Ramadhan, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. -- BERNAMA

WAH DIN MA